

## **PENGGUNAAN LAMAN WEB EKOLOGI SPIRITUAL (ES) UNTUK MENINGKATKAN KEFAHAMAN PELAJAR BERHUBUNG KONSEP EKOLOGI SPIRITUAL DALAM PENDIDIKAN ISLAM**

Wan Nornajmiwati Bt Wan Ab Rahman  
Zaharah Hussin  
Asri B. Md Saman @ Osman  
[wannornajmiwati@ipda.edu.my](mailto:wannornajmiwati@ipda.edu.my)

IPG Kampus Darulaman

### **ABSTRAK**

Kajian ini bertujuan untuk mengkaji sejauhmana penggunaan laman Web ES dapat membantu untuk meningkatkan kefahaman berhubung konsep Ekologi Spiritual dalam kalangan pelajar tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di negeri Kedah. Konsep yang diketengahkan ini merupakan sebahagian daripada kajian pengkaji untuk membangunkan satu Model Kandungan Ekologi Spiritual berasaskan al Quran untuk pembelajaran sendiri murid dalam Pendidikan Islam. Konsep ini dibangunkan dengan bersumberkan dalil-dalil al Quran, hadis dan perbincangan cendikiawan Islam berhubung elemen ekologi dengan tujuan untuk memperkasakan domain spiritual murid. Domain spiritual perlu turut dibangunkan seiring dengan domain kognitif dan kemahiran kerana nilai spiritual yang kukuh akan memberi kesan yang positif terhadap kemenjadian pelajar. Bertepatan dengan perkembangan teknologi dan transformasi pendidikan masa kini, pengkaji menggunakan kaedah pedagogi berasaskan ICT iaitu penggunaan laman web untuk memperkenalkan konsep tersebut dan meningkatkan kefahaman kumpulan sasaran. Hasil analisis terhadap dapatan kajian yang telah dilaksanakan sebanyak tiga fasa, telah menunjukkan penggunaan laman web ES dapat membantu dalam meningkatkan kefahaman pelajar berhubung konsep Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Islam.

**Kata kunci:** *laman web , Ekologi Spiritual dan transformasi pendidikan*

### **1.0 PENGENALAN**

Konsep Ekologi Spiritual merupakan satu percambahan ilmu daripada asas ilmu Pendidikan Islam. Konsep ini merangkumi dalil-dalil al-Quran berhubung elemen ekologi dan telah dibincangkan di dalam kurikulum Pendidikan Islam melalui bidang Tilawah Al-Quran, Akidah, dan Akhlak (KPM,2002). Walaubagaimanapun, dalam kajian ini, dalil- dalil al Quran tersebut dibahaskan dengan lebih mendalam serta secara khusus dalam satu konsep tersendiri. Perbincangan dari sudut pandang yang berbeza khususnya mengaitkannya dengan ilmu ekologi dan pandangan Sains dapat menambahkan lagi pengetahuan, mengukuhkan kefahaman serta meningkatkan lagi elemen spiritual diri dan penghayatan akidah dalam diri seseorang (Wan Nornajmiwati et al.,2016). Malah, pendekatan interdisiplin ilmu yang diorientasikan di dalam konsep ini dapat menghasilkan kefahaman yang jitu berhubung Kekuasaan Allah S.W.T dan meningkatkan kesedaran terhadap ketanggungjawaban menjaga kelestarian alam dan seterusnya melahirkan jati diri murid dalam mendepani cabaran

pendidikan abad 21 yang semakin kompleks. Selari dengan kepentingan tersebut, pengaplikasian laman web sebagai medium utama pengajaran untuk membantu meningkatkan kefahaman murid adalah bertepatan dengan transformasi pendidikan negara pada masa kini yang menekankan kemahiran ICT dalam proses pengajaran dan pembelajaran.

## **2.0 LATAR BELAKANG**

Antara aspek penting dalam pelaksanaan kurikulum ialah kaedah pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran yang diaplikasikan oleh seorang guru. Berdasarkan pandangan Noriati A. Rashid et.al ,(2010), seorang guru yang profesional bukan sahaja perlu berpengetahuan mengenai mata pelajaran yang diajar, tetapi memerlukan pengetahuan mengenai pelajar dan sentiasa meningkatkan profesionalisme keguruan. Seorang guru yang efektif perlu mempunyai pengetahuan tentang cara pelajar belajar dan keperluan pelajar agar guru dapat memberikan pendekatan pengajaran yang sesuai.

Bertepatan dengan keperluan pelajar dalam transformasi pendidikan pada masa kini, proses pengajaran dan pembelajaran berasaskan ICT adalah mekanisme terbaik untuk menyampaikan ilmu dan maklumat. Sehubungan itu, penguasaan aspek pedagogikal berasaskan ICT oleh guru perlu sentiasa diperkemas dari semasa ke semasa.

Dalam memastikan matlamat pendidikan tercapai, kaedah pedagogi yang diaplikasikan oleh seorang guru semasa proses pengajaran dan pembelajaran (pdp) turut mempengaruhi kefahaman dan penghayatan pelajar terhadap pengetahuan yang disampaikan. Berdasarkan kajian Ahmad Mohd Salleh (2003), mengatakan proses pengajaran yang lebih berorientasikan peperiksaan menyebabkan guru Pendidikan Islam hanya mengajar subjek dberkenaan dengan matlamat untuk menghabiskan sukatan pelajaran semata-mata.

Oleh itu, antara cabaran dalam pendidikan yang perlu di titik beratkan pada hari ini ialah guru-guru perlu membuat transformasi dalam amalan pengajaran bagi membantu meningkatkan kefahaman murid dalam pembelajaran. Pada pandangan Ismail Ibrahim (1999), teknologi komunikasi dan maklumat atau ICTdapat menarik minat generasi muda kerana mereka melihat keistimewaan yang ada di dalam teknologi tersebut secara logik yang bersesuaian dengan zaman kini.

### **2.1 Penggunaan Laman Web ES**

Bertepatan dengan itu, pelaksanaan pengajaran dan pembelajaran dengan menggunakan laman Web ES dilaksanakan untuk membantu murid dalam memahami konsep ES. Konsep yang diketengahkan ini bukan sahaja memberi penekanan kepada ilmu Pendidikan Islam semata-mata, tetapi kombinasi perbincangan dengan ilmu Sains dan Ekologi dapat membuka minda murid agar lebih terbuka dan merentas ilmu dalam pendidikan. Dalam sudut ilmu Pendidikan Islam, konsep ini sebenarnya amat berkait rapat dengan aspek akidah murid. Menurut pendapat Abdul Salam Mohd Shukri (2003), pendidikan Akidah secara dasarnya adalah suatu yang kompleks.

Pengajaran dalam ilmu Akidah adalah perlu mencapai matlamat yang tertinggi iaitu pengiktirafan terhadap kekuasaan Allah dalam semua aspek kehidupan. Oleh itu, Rahimi Md Saad dan Zaiton Mat Deris (2014) berpendapat, Pendidikan Akidah kurang berkesan jika hanya menggunakan kaedah penerangan semata-mata, tetapi perlu menggunakan alat bantu mengajar yang berkesan. Oleh itu, kajian ini merupakan satu implementasi yang tepat untuk penggunaan kaedah pedagogi yang memenuhi keperluan pembelajaran murid pada masa kini.

## 2.2 Objektif Kajian

Kajian ini memfokuskan kepada penggunaan laman web ES untuk meningkatkan kefahaman murid tingkatan empat mengenai konsep Ekologi Spiritual di sebuah sekolah kajian. Walaupun konsep ini sebenarnya telah terkandung di dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam dalam bidang Tilawah al Quran, Akidah dan Akhlak bagi tingkatan 1,2, 3 dan dalam sukatan mata pelajaran Tassawur Islam tingkatan empat, ia tidak dibincangkan dalam satu konsep khusus dan pendekatan isi kandungan juga berbeza. Kandungan Konsep ES ini memfokuskan kepada meningkatkan domain spiritual murid melalui penghayatan terhadap dalil-dalil al Quran berhubung elemen ekologi. Selain itu, perbincangan konsep ini bukan sahaja meliputi ilmu Pendidikan Islam, tetapi ia diintergrasikan dengan ilmu Sains dan ilmu Ekologi. Oleh yang demikian, konsep ini perlu diperkenalkan dengan kaedah yang sesuai, tepat, menarik, serta berupaya meningkatkan kefahaman murid untuk mempelajari satu konsep yang baru.

Tambahan pula, konsep Ekologi Spiritual ini merupakan satu konsep baru khususnya dalam bidang pendidikan yang diadaptasi daripada fahaman alam sekitar barat. Oleh itu, ia memerlukan pendekatan pedagogi yang tepat, menarik minat murid dan yang paling utama ia dapat membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap konsep ini. Oleh demikian itu, satu kajian telah dilaksanakan kepada 20 orang murid tingkatan empat di salah sebuah sekolah menengah di negeri Kedah sebagai ujian rintis untuk melihat sejauh mana penggunaan laman web ini dapat membantu meningkatkan kefahaman berhubung konsep ini.

## 3.0 SOROTAN KAJIAN

Hasil sorotan kajian, konsep Ekologi Spiritual atau istilah asalnya ekospiritual merupakan istilah yang diadaptasi daripada salah satu aliran falsafah alam sekitar di barat yang secara umumnya adalah tentang hubungan manusia dengan alam (*connection to nature*) Beringer (1999). Walaubagaimanapun, dasar ekospiritual yang dipelopori oleh barat adalah tidak menepati pandangan Islam dimana mereka menerima alam sebagai sesuatu yang kudus tetapi fahaman tersebut tidak berpaksikan kepada kepercayaan dan tauhid kepada Pencipta sebenar alam iaitu Allah S.W.T (Abu Bakar,2012). Di atas kepincangan tersebut, satu pembinaan konsep Ekologi Spiritual yang berorientasikan prinsip-prinsip falsafah Islam telah dirangka berdasarkan dalil-dalil al-Quran, hadis Rasulullah S.A.W serta pandangan ilmuan islam. Konsep ini sangat penting untuk diketengahkan khususnya dalam bidang pendidikan kerana ianya merupakan satu usaha untuk meningkatkan elemen spiritual dan nilai akidah murid melalui penghayatan kepada dalil-dalil al-Quran berhubung elemen ekologi( Wan Nornajmiwati et al.,2016) Pemahaman dan penghayatan terhadap dalil-dalil tersebut dapat membawa manusia merenung dan berfikir tentang kekuasaan dan kehebatan Allah S.W.T dan seterusnya membawa kepada kesedaran tentang fungsi sebenar penciptaan dan ketanggungjawaban memelihara elemen ekologi tersebut.

Berdasarkan perbincangan tersebut, dapat dijelaskan bahawa konsep ini sebenarnya amat berkait rapat dengan komponen Akidah yang terdapat dalam sukatan mata pelajaran Pendidikan Islam bagi Tingkatan Satu hingga Lima. Selain itu, konsep ini turut dibincangkan di dalam mata pelajaran Tasawwur Islam Tingkatan 4 iaitu pelajaran 1, Konsep Ketuhanan, pelajaran 3, Konsep Insan, dan pelajaran 4 iaitu Konsep Alam (KPM,2002). Walaupun ia telah dibincangkan di dalam sukatan tersebut, konsep Ekologi Spiritual yang dibangunkan ini dibincangkan dalam sudut pandang yang berbeza khususnya diintergrasikan dengan ilmu Sains dan ilmu Ekologi. Menurut pandangan Abu Bakar Yang (2012), kajian yang

menggunakan pendekatan interdisiplin ilmu iaitu mengkaji sesuatu perkara menerusi dua atau lebih disiplin ilmu hasilnya dapat membina satu konsep yang lebih mantap dan menyeluruh.

Seiring dengan perkembangan tersebut, pengenalan konsep Ekologi Spiritual ini memerlukan kepada kaedah pedagogi yang sesuai, tepat dan mampu menarik minat murid untuk memahami konsep. Kajian Muhammad Sahari dan Hassan Langgulung (1999), mendapati bahawa kaedah pengajaran guru Pendidikan Islam secara umumnya tidak menarik perhatian murid. Berdasarkan dapatan kajian oleh Khadijah Abdul Razak dan Shahrin Awaludin (2006), antara faktor yang mempengaruhi situasi tersebut ialah dalam aspek amalan pengajaran guru iaitu kurangnya penggunaan bahan bantu mengajar yang terkini (TMK dan Komputer). Penggunaan laman Web dalam kajian ini merupakan inisiatif kearah penggunaan bahan bantu mengajar berasaskan TMK dan komputer agar ia dapat menambah baik amalan pengajaran guru dan sekali gus membantu meningkatkan kefahaman murid untuk memahami konsep ES ini. Ini bertepatan dengan pandangan Rahimi Md Saad dan Zaiton Mat Deris (2014), komponen akidah merupakan antara komponen yang agak sukar untuk disampaikan. Oleh itu, eksplotasi teknologi maklumat dan komunikasi teknologi multimedia dalam pengajaran komponen Akidah mampu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran.

Selain itu, kajian Ismail Zain (2002), telah menyokong penggunaan multimedia sebagai bahan bantu mengajar terkini di mana beliau berpendapat multimedia adalah salah satu media pengajaran iaitu cara di mana informasi dapat disampaikan kepada murid. Green T.D dan Brown A (2002), mengatakan bahawa multimedia yang digunakan di dalam bilik darjah boleh mendorong lagi keinginan untuk belajar dan meningkatkan kreativiti di kalangan guru dan juga murid. Tuntasnya, keberkesanan pengajaran guru bukan hanya bergantung kepada satu teknik pengajaran sahaja, tetapi mempunyai pelbagai teknik, tingkah laku mengajar dan kemahiran mengajar mengikut keperluan pelajar.

Selari dengan kajian-kajian tersebut, pengkaji telah bertindak untuk membangunkan satu laman web ES agar ia memberi kesegaran baru dalam bahan bantu mengajar ilmu Pendidikan Islam dan sekali gus dapat membantu meningkatkan kefahaman murid dalam meneroka konsep ini.

### **3.1 Metodologi Kajian**

Dalam kajian ini, seramai 20 orang murid muslim tingkatan empat di sebuah sekolah menengah di negeri Kedah telah dipilih sebagai peserta kajian. Selain daripada mematuhi syarat yang ditentukan oleh Jabatan Pendidikan Negeri, iaitu peserta kajian mesti bukan daripada murid yang terlibat dengan peperiksaan awam, rasional pemilihan kumpulan pelajar Muslim Tingkatan Empat ini adalah kerana konsep yang dibina adalah berasaskan sukatan pelajaran Pendidikan Islam tingkatan 1 hingga 4 secara dominan dan sukatan pelajaran Pendidikan Islam tingkatan 5 sebagai tambahan. Selain itu konsep ini juga berasaskan sukatan pelajaran Tasawwur Islam Tingkatan 4 dan dikukuhkan dengan pendapat Hazura Abu Bakar (2009), yang menyatakan berasaskan peringkat perkembangan akil baligh bagi seorang Muslim biasanya sudah berlaku pada umur 15 tahun. Pada peringkat umur ini, seorang individu Muslim sewajarnya telah mempunyai pengetahuan yang mencukupi berkaitan hukum-hukum asas syariat dalam aspek ibadah khusus dan ibadah umum. Aspek berkaitan alam sekitar ini adalah termasuk di dalam ibadah umum. Selain itu, Ekologi Spiritual merupakan istilah yang baru digunakan khususnya untuk kajian di dalam bidang pendidikan. Oleh itu, peserta kajian ini dilihat lebih relevan untuk menerima satu konsep yang baru di dalam pendidikan berdasarkan pengetahuan sedia ada murid melalui proses pengajaran dan pembelajaran. Dalam kajian ini terdapat dua fasa tindakan telah dilaksanakan:

## **Fasa 1: Pembinaan draf laman web ES dengan menggunakan aplikasi Microsoft power point.**

### ***Analisis dokumen***

Satu kajian rintis telah dilaksanakan di sekolah kajian pada bulan Mac 2016 untuk mengenal pasti tahap kefahaman murid terhadap konsep Ekologi Spiritual. Pengkaji terlebih dahulu memohon kebenaran daripada Jabatan Pelajaran Negeri dan pengetua sekolah untuk tujuan tersebut. Kajian rintis ini di jalankan ke atas sekumpulan 20 orang murid tingkatan empat. Objektif bagi kajian ini ialah untuk memenuhi keperluan kajian dengan menilai tahap kefahaman murid terhadap Konsep Ekologi Spiritual. Kajian ini menggunakan set soal selidik yang telah diubah suai daripada instrumen kajian yang dijalankan oleh Hazura Abu Bakar (2009). Bagi melihat sejauhmana tahap kefahaman murid terhadap Konsep Ekologi Spiritual, sebanyak 20 item berbentuk pernyataan telah dikemukakan kepada peserta kajian. Berdasarkan analisis dokumen terhadap data soal selidik tersebut, pengkaji telah membuat perbincangan bersama Pensyarah penyelia dan merumuskan bahawa peserta kajian amat berminat untuk mempelajari dan mengetahui konsep Ekologi Spiritual ini dengan lebih mendalam. Selain itu, daripada perbincangan tersebut juga pengkaji bersetuju untuk membina draf laman web ES menggunakan perisian Microsoft power point yang akan digunakan sebagai medium pengajaran dan membantu peserta kajian untuk memahami konsep tersebut.

### ***Pembinaan isi kandungan laman web ES***

Pengkaji telah membina kandungan laman web ES berdasarkan kajian literature serta berpandukan kepada contoh sukatan pelajaran Pendidikan Islam dan merumuskan beberapa perkara yang perlu ada untuk membina sesuatu konsep iaitu:

- a. Pengenalan kajian
- b. Definisi konsep Ekologi Spiritual
- c. Objektif kajian berdasarkan konsep Ekologi Spiritual
- d. Sumber konsep Ekologi Spiritual
- e. Elemen-Elemen Ekologi Spiritual beserta dalil
- f. Contoh perbincangan konsep Ekologi Spiritual (Proses kejadian manusia menurut al Quran dan Sains
- g. Hikmah/tujuan penciptaan elemen ekologi menurut al Quran
- h. Penutup

### ***Pengesahan pakar***

Seterusnya, untuk memastikan isi kandungan dan kaedah yang tepat patut digunakan bagi memperkenalkan konsep Ekologi Spiritual, pengkaji telah mendapat maklum balas berdasarkan soal selidik yang diedarkan kepada 16 orang yang dikenal pasti sebagai pakar dalam bidang pendidikan. Pakar bidang dipilih berdasarkan pengalaman melebihi 10 tahun dalam bidang pendidikan, mereka terdiri daripada 7 orang pensyarah IPTA bidang Pendidikan Islam, 2 orang pensyarah IPG bidang Pendidikan Islam, 1 orang pensyarah IPG bidang Sains dan 6 orang guru Pendidikan Islam. Pakar telah memberi persetujuan terhadap isi kandungan konsep dan 75 % bersetuju memilih aplikasi laman web sebagai medium pengajaran untuk menyampaikan konsep Ekologi Spiritual ini kepada murid berbanding kaedah lain yang dicadangkan seperti penggunaan *face book*, *MMS* dan sebagainya.

## Fasa 2: Perbengkelan laman web ES menggunakan perisian Microsoft Power Point

### *Perbengkelan laman web ES*

Perbengkelan ini dijalankan pada bulan Jun yang bertujuan untuk mendapatkan pandangan murid terhadap penggunaan laman web ES untuk membantu meningkatkan kefahaman peserta kajian terhadap konsep Ekologi Spiritual. Kajian ini dilaksanakan dengan diadakan satu perbengkelan iaitu pengkaji membuat pembentangan laman web ES menggunakan perisian Microsoft power point untuk menerangkan konsep ES kepada murid. Seterusnya pengkaji membuka sesi soal jawab dan mengedarkan borang soal selidik yang disediakan. Perbengkelan tersebut ditadbir sendiri oleh pengkaji di samping seliaan guru kaunseling sekolah.

Antara contoh sebahagian slide yang digunakan untuk menerangkan elemen ekologi iaitu **manusia**. Slide yang diterangkan kepada peserta kajian ialah mengenai proses kejadian manusia yang membuktikan kekuasaan Allah S.W.T:

Elemen Ekologi Spiritual adalah antara komponen penting mencapai objektif dalam konsep Ekologi Spiritual yang dinyatakan sebelum ini. Contohnya dengan memikirkan tentang proses kejadian manusia sebagaimana yang dinyatakan dengan jelas oleh Allah SWT di dalam al-Quranul Karim dalam ayat Surah Al Mukminun (23:12-14) dapat memantapkan nilai spiritual murid dengan elemen ekologi (manusia) bagi meningkatkan kesedaran ketuhanan.


*Dan sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dari pati (yang berasal) dari tanah(12) Kemudian Kami jadikan "pati" itu (setitis) air benih pada penetapan yang kukuh(13) Kemudian Kami ciptakan air benih itu menjadi sebuku darah beku. lalu Kami ciptakan darah beku itu menjadi seketul daging; kemudian Kami ciptakan daging itu menjadi beberapa tulang; kemudian Kami balut tulang-tulang itu dengan daging. Setelah sempurna kejadian itu ,Kami bentuk dia menjadi makhluk yang lain sifat keadaannya. Maka nyatalah kelebihan dan ketinggian Allah sebaik-baik Pencipta(14)*

Rajah 1 : Slide dalil al Quran dalam surah al Mukminun (23:12-14) Yang menceritakan proses kejadian manusia



Rajah 2: Slide proses Kejadian manusia menurut al Quran.

Selain itu, konsep ini juga turut diterangkan proses kejadian manusia dalam aspek ilmu Sains.



Rajah 3: Proses kejadian manusia menurut Ilmu Sains Moden

Selain itu, pengkaji telah menunjukkan **tayangan video daripada youtube** untuk menunjukkan proses kejadian manusia menurut al Quran.

### Pemerhatian

Hasil pemerhatian pengkaji semasa sesi perbengkelan terutama semasa tayangan video proses kejadian manusia, peserta kajian memberi tumpuan, perhatian dan menunjukkan minat terhadap pembentangan. Peserta kajian juga mengemukakan beberapa soalan semasa sesi soal jawab untuk mengetahui dengan lebih lanjut berhubung konsep Ekologi Spiritual.

### Soal selidik

Seterusnya, bagi mendapat data dan menjawab soalan kajian iaitu:

1. Apakah penggunaan laman web ES boleh meningkatkan kefahaman murid berhubung konsep Ekologi Spiritual?

Pengkaji telah membina satu instrumen berupa soal selidik dan dianalisis secara peratusan. Peserta kajian telah memberi komitmen sepenuhnya semasa menjawab soal selidik dan diberi ruang untuk memberi ulasan dan cadangan penambahbaikan untuk tindakan pengkaji.

### 3.2 Dapatan Kajian

#### *Fasa 1: Hasil analisis dokumen*

Hasil dapatan kajian daripada soal selidik dalam fasa 1 yang dianalisis dengan menggunakan SPSS berdasarkan skor min, telah menunjukkan tahap kefahaman murid terhadap konsep Ekologi Spiritual secara umum adalah sangat tinggi . Di dapati peserta kajian amat memahami dan bersetuju bahawa kejadian alam merupakan bukti kekuasaan Allah dengan skor min 4.97. Hasil analisis juga mendapati 12 item yang berkaitan dengan konsep ES ini berada pada tahap skor min yang tinggi , iaitu min skor antara 4.21-5.00. Item tersebut seperti “ terdapat ayat al Quran yang menerangkan tentang kekuasaan Allah melalui kejadian alam dengan (min=4.94), “kejadian alam dapat menjadikan kita mengenal Allah (min = 4.77) dan pernyataan “ saya merasakan elemen spiritual adalah penting dalam kehidupan”dengan (min= 4.45 ). Seterusnya 6 pernyataan yang mencapai skor min pada tahap tinggi iaitu antara 3.41-4.20. Antaranya “ saya merasakan ekologi merupakan satu cabang ilmu yang penting dengan (min=3.98). Walaubagaimanapun hasil analisis mendapati peserta kajian mencapai tahap min sederhana iaitu 3.27 pada item B9 “saya mengetahui maksud ekologi”. Secara keseluruhannya, hasil kajian mendapati tahap kefahaman murid terhadap konsep ES adalah sangat tinggi **tetapi ia hanya pada pernyataan konsep yang sangat umum**. Ini terbukti daripada hasil analisis di mana pernyataan “ maksud alam ialah alam sekitar yang dicipta oleh Allah” dengan min 4.25, sedangkan maksud alam dalam kajian ialah merangkumi semua aspek yang ada di dalamnya seperti manusia dan haiwan. Selain itu, hasil analisis mendapati bahawa peserta kajian mengakui dengan mencapai tahap skor min sangat tinggi (4.45) dengan pernyataan “ saya merasakan elemen spiritual (kerohanian) adalah penting dalam kehidupan dan “**saya berminat dengan pembelajaran yang berasaskan alam**”, manakala hasil kajian turut mendapati pernyataan “ saya merasakan ekologi merupakan satu cabang imu yang penting” dengan mencapai tahap skor min 3.98 (tinggi). Dapat dirumuskan bahawa murid **kurang memahami maksud ekologi secara jelas** di mana pernyataan tersebut hanya mencapai tahap sederhana (min=3.27)

Daripada hasil dapatan dalam fasa 1 ini, dapat dirumuskan bahawa murid berminat untuk memahami konsep ini secara lebih mendalam dan hasil cadangan daripada pensyarah penyelia, pengkaji membuat keputusan untuk meneruskan kajian tindakan ini dengan membina laman web ES sebagai satu kaedah untuk memperkenalkan konsep ES.

#### **Hasil analisis dapatan pakar:**

Seterusnya, bagi memastikan penggunaan laman web ES untuk membantu meningkatkan kefahaman murid berhubung konsep ES ini adalah menepati objektif kajian, pengkaji telah mendapatkan pandangan pakar berhubung perkara tersebut. Pakar yang dipilih adalah 16 orang yang terdiri daripada 7 orang pensyarah IPTA bidang Pendidikan Islam, 2 orang pensyarah IPG bidang Pendidikan Islam, 1 orang pensyarah IPG bidang Sains dan 6 orang guru Pendidikan Islam.

Jadual 2: Peratus persetujuan pakar terhadap penggunaan laman web sebagai kaedah atau pembelajaran konsep Ekologi Spiritual

Item	Kaedah Pembelajaran Murid bagi memahami konsep ES	Peratus pakar	persetujuan
1	Laman Web	75%	



<b>3</b>	Facebook	<b>50%</b>
<b>4</b>	MMS	<b>69%</b>
<b>5</b>	E-Mail	<b>63%</b>

Dapatan kajian menunjukkan pakar telah memberi peratusan yang tinggi kepada penggunaan laman web untuk membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap konsep ES iaitu sebanyak 75 %.

***Fasa 2: Hasil Analisis Perbengkelan draf laman Web ES menggunakan perisian Microsoft power point.***

Seterusnya, bagi memperolehi data kajian akhir iaitu untuk mengetahui kaedah penggunaan laman Web ES dapat menambah baik amalan pengajaran dan membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap konsep Ekologi Spiritual, pengkaji telah membina satu instrumen kajian iaitu borang soal selidik yang mengandungi 6 bahagian iaitu :

- a. Bahagian A : demografi murid
- b. Bahagian B : Aspek-aspek konsep ES
- c. Bahagian C : Isi Kandungan aspek kefahaman
- d. Bahagian D : Isi kandungan aspek sifat ES
- e. Bahagian E : Isi kandungan aspek penghayatan amalan
- f. Bahagian F : Pandangan murid terhadap penggunaan laman web ES

Soal selidik tersebut dijawab oleh murid selepas selesai perbengkelan. Hasil kajian adalah seperti berikut.

Jadual 3 : Penilaian murid terhadap Laman Web ES

Bil	Laman Web ES	Skor Kumpulan					Jumlah Skor	(% penilaian)
		Kajian						
		1	2	3	4	5		
1.	Meningkatkan kefahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.	0	0	0	44	45	89	89%
2.	Menambah maklumat pembelajaran berasaskan konsep Ekologi Spiritual.	0	0	0	40	50	90	90%
3.	Melahirkan sifat yang positif daripada pemahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.	0	0	0	44	45	89	89%
4.	Memberi kesedaran tentang kepentingan elemen spiritual untuk menjadi insan yang seimbang.	0	0	0	48	40	88	88%
5.	Memberi kesedaran tentang kepentingan memelihara elemen ekologi.	0	0	0	44	45	89	89%
6.	Meningkatkan tahap penghayatan terhadap amalan diri berasaskan konsep Ekologi Spiritual.	0	0	0	36	55	91	91%
7.	Meneroka aktiviti	0	0	0	40	50	90	90%

	pembelajaran berkonsepkan Ekologi Spiritual melalui pendekatan inovatif.							
8.	Menghayati isi kandungan al-Quran berasaskan Ekologi Spiritual untuk panduan hidup.	0	0	0	16	80	96	96%
9.	Melakukan aktiviti untuk pembelajaran Pendidikan Islam secara sendiri selain pembelajaran di sekolah.	0	0	0	60	25	85	85%
10.	Memberi kesedaran agar memahami peranan diri berasaskan kefahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.	0	0	0	52	35	87	87%
11.	Memberi sumbangan kepada menyedarkan masyarakat tentang kepentingan memelihara ekologi berasaskan kefahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual.	0	0	0	64	20	84	84%

Daripada Jadual 3 di atas ini jelas memaparkan bahawa kesemua aspek dalam kepenggunaan laman Web ES adalah berada pada status penilaian yang tinggi berdasarkan pandangan dan penilaian 20 murid di tingkatan empat sekolah kajian. Contohnya pada pernyataan pandangan peserta kajian terhadap laman web ES dalam **meningkatkan kefahaman** terhadap konsep Ekologi Spiritual dan dapat melahirkan **sifat yang positif** daripada pemahaman terhadap konsep Ekologi Spiritual ialah **89%** iaitu satu penilaian yang tinggi melebihi 80%. Begitu juga dengan pernyataan laman web ES dapat **menambah maklumat pembelajaran** berasaskan konsep Ekologi Spiritual telah mencapai tahap penilaian **90%**. Seterusnya pernyataan laman web ES dapat **meningkatkan tahap penghayatan** terhadap amalan diri berasaskan konsep Ekologi Spiritual ialah sebanyak **91%**. Begitu juga dengan pernyataan **Meneroka aktiviti pembelajaran** berkonsepkan Ekologi Spiritual melalui pendekatan inovatif telah mencapai **90%**. Secara keseluruhannya, hasil dapatan kajian melalui borang soal selidik yang diedarkan telah menunjukkan bahawa laman web ES merupakan satu usaha yang tepat menambah baik amalan mengajar guru dan jelas dapat membantu meningkatkan kefahaman murid terhadap konsep ES. Dapatan tersebut dikukuhkan lagi dengan ulasan yang diberikan peserta kajian selepas sesi perbengkelan tersebut melalui komen dalam borang soal selidik yang sama.

#### 4.0 KESIMPULAN

Kajian ini telah menunjukkan bahawa guru perlu sentiasa menambah kemahiran dan mengubah cara penyampaian atau teknik pengajaran. Kaedah pengajaran berasaskan ICT adalah satu kaedah yang dapat menarik minat murid dan dapat membantu mereka agar lebih memahami pembelajaran dengan lebih efektif dan cepat. Selain itu, kemudahan teknologi membolehkan murid mengakses maklumat dengan lebih banyak dan cepat. Walaubagaimanapun, peranan guru sebagai fasilitator atau pembimbing masih diperlukan untuk memastikan maklumat yang diperolehi oleh murid tidak terpesong akibat merujuk

kepada sumber-sumber yang tidak tepat dan tidak diiktiraf. Hasil kajian rintis ini jelas berjaya mencapai objektif kajian dan yang menakjubkan pendedahan terhadap konsep ES ini telah membuka minda murid bahawa dalam al Quran, banyak bukti yang jelas berhubung kekuasaan Allah dan dapat memperkasakan nilai spiritual murid jika benar-benar dihayati.

## 5.0 RUJUKAN

- Al-Quran al-Karim (al-Haramain Tafsir Ringkas Ayat-Ayat Pilihan). Cetakan keenam 2014. Selangor. Karya Bestari.
- Abdul Salam Muhamad Shukri, (2003). Panduan Mengajar Akidah Kepada Anak-anak. Pahang: PTS Publications & Distributor Sdn. Bhd.
- Abu Bakar Yang. (2012). Islam, Pemuliharaan Hidupan Liar Dan Anda. Kuala Lumpur. IKIM
- Ahmad Mohd Salleh. (2003). Pendidikan Islam : Falsafah ,sejarah dan kaedah pengajaran dan pembelajaran. Selangor: Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Beringer,A.(1999). On ecospirituality: true,indigenous,western. Australian Journal of Environmental, vol.15/16,17-21
- Green T.D, & Brown A, (2002). Multimedia projects in the classroom. A guide to development and evaluation. California: Corwin Press,Inc.
- Hazura Abu Bakar (2009). Hubungan Antara Penghayatan Agama, Nilai Hidup Dan Pengetahuan Alam Sekitar Pelajar Muslim Dengan Sikap Dan Tingkah Laku. Tesis USM.
- Ismail Hj Ibrahim.(1999).Isu-isu semasa dari perspektif Islam. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam (IKIM).
- Ismail Zain. (2002). Aplikasi multimedia dalam pengajaran. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Kementerian Pendidikan Malaysia,(2002). Sukatan Pelajaran Pendidikan Islam Tingkatan Satu hingga Lima KBSM. Kuala Lumpur: Pusat Perkembangan Kurikulum.
- Khadijah Abdul Razak & Shahrin Awaludin (2006). Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam mengikut persepsi pelajar. Seminar Amalan Pengajaran Guru Pendidikan Islam: UKM,Selangor
- Muhammad Sahari & Hassan Langgulung, (1999). Reasons For School Children Poor attitude toward Islamic Education: A Pilot Inquiry . Jurnal Pendidikan Islam Jilid 8.Bil.3 (June)Kuala Lumpur : IPI-ABIM
- Noriati A. Rashid, Boon Pong Ying dan Wong Kiet Wah (2010), Asas Kepimpinan Dan Perkembangan Profesional Guru. Kuala Lumpur: Oxford Fajar Sdn.Bhd.
- Rahimi Md Saad & Zaiton Mat Deris (2014). Aplikasi Teknologi Multimedia Dalam Pengajaran Kontemporari Bagi Aqidah Islamiyah. Riau, Indonesia. UR PRESS.
- Wan Nornajmiwati Wan Ab Rahman, Zaharah Husin & Asri Md Saman @ Osman. (Mei 2016). Ekologi Spiritual Dalam Pendidikan Islam: Satu pengenalan konsep . Persidangan Isu Isu Pendidikan Islam : UM, Kuala Lumpur.
- Wan Nornajmiwati Wan Ab Rahman, Zaharah Husin & Asri Md Saman @ Osman. (September 2016). Penghayatan konsep Ekologi Spiritual dalam Pendidikan Islam, mendepani transformasi pendidikan abad ke 21. Seminar Penyelidikan Pendidikan: IPG Kampus Darulaman.